

Tindak Balas Pengguna YouTube Terhadap Kes Buli dalam Kalangan Remaja di Malaysia

Norhayati Mat Ghani, Suriati Ghazali*

Bahagian Geografi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, Malaysia

*Corresponding author: suriati@usm.my

Abstract

Social media is a new tool for an easy, fast and effective medium in distributing and obtaining information. Social media such as Facebook, YouTube, Instagram and Twitter are used by many teenagers these days, and most of them have social media accounts. YouTube is one of the media distribution agents that disseminate information, entertainment and news in the form of videos. The diverse functions of YouTube caused bully cases to be easily spread through the sharing of bullying-related videos; and such videos are commonly uploaded by the teenagers who involve in bully cases. The objective of this study is to investigate the response of social media users, via YouTube, towards bully cases among the teenagers in Malaysia. Four videos that show teens being bullied were purposively chosen as study cases. The contents of the video were transcribed and the responses or comments of viewers were analyzed and categorized. The findings show that majority of viewers were saddened and expressed their anger towards such video show. However a few viewers praised such behavior. With the help of social media such as YouTube, crime among the teenagers such as bully becomes viral in social media websites and its dissemination is irrespective of time and distance. This study contributes to the knowledge on the role of social media as distributing agent of information including crimes among teenagers, which need to be monitored and stopped, due to fear that bullying becomes a common phenomenon especially among the youth.

Keywords: Teenagers, bully, social media, YouTube

Abstrak

Media sosial adalah medium penyebaran baru yang mudah, cepat dan berkesan untuk mendapatkan maklumat. Media sosial seperti Facebook, YouTube, Instagram dan Twitter digunakan oleh ramai remaja hari ini, dan kebanyakannya mereka mempunyai akaun media sosial. YouTube merupakan salah satu media sosial yang menyebarkan maklumat, hiburan dan berita dalam bentuk video. Fungsi YouTube yang pelbagai menyebabkan kes buli remaja mudah tersebar melalui perkongsian video buli yang berkaitan; dan klip video biasanya dimuat naik dengan mudah oleh remaja yang terlibat dalam kes buli. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji tindak balas dari pengguna media sosial, melalui YouTube, terhadap kes buli dalam kalangan remaja di Malaysia. Empat video yang menunjukkan remaja sedang dibuli telah dipilih secara persampelan bertujuan sebagai kes kajian. Kandungan video akan dibuat transkripsi dan maklum balas atau komen daripada penonton akan dikategorikan serta dianalisis. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa majoriti penonton berasa sedih dan menyatakan kemarahan mereka terhadap perbuatan buli dalam video tersebut. Bagaimanapun sebilangan kecil penonton memuji tingkah laku tersebut. Dengan bantuan media sosial seperti YouTube, jenayah dalam kalangan remaja seperti buli menjadi *viral* di laman media sosial dan penyebarannya adalah tanpa mengira jarak dan masa. Kajian ini menyumbang kepada pengetahuan tentang peranan media sosial sebagai ejen penyebaran maklumat termasuk jenayah yang perlu dipantau dan dihentikan, kerana dibimbangi perbuatan buli menjadi fenomena yang biasa terutamanya dalam kalangan remaja.

Kata kunci: Remaja, buli, media sosial, YouTube

© 2015 Penerbit UTM Press. All rights reserved

■1.0 PENGENALAN

Banyak kajian menunjukkan bahawa media sangat berpengaruh kepada tingkah laku remaja. Media seperti internet, televisyen, majalah dan surat khabar memberi pengaruh terhadap perkembangan remaja (Vasan, 2010). Penggunaan media sosial yang aktif kini menjadi satu trend baru dikalangan remaja hari ini. Media sosial dapat menghubungkan manusia di seluruh dunia tanpa mengira perbezaan dan sempadan geografi (Sawyer, 2011). Remaja tertarik kepada media sosial kerana mudah mengakses maklumat dan pelbagai keseronokan yang boleh diperolehi ketika melayarnya. Mereka boleh melayari pelbagai jenis media sosial dengan mudah, pantas dan semuanya berada dihujung jari. Namun, disebalik keseronokan melayari media sosial wujud cabaran dan masalah yang menjadi perhatian dalam artikel ini iaitu berkaitan dengan sebaran atau minat remaja terhadap perkara yang bernilai negatif dalam masyarakat khususnya kes buli. Mereka tidak perlu bergerak kemana-mana untuk melakukan jenayah, hanya dengan menekan papan kekunci telah menyebabkan mereka terlibat dengan jenayah. Dalam kajian jenayah geografi telah menjelaskan bahawa, faktor jarak yang dilalui oleh pesalah merupakan faktor penting dalam melakukan jenayah dan kekerapan melakukan jenayah semakin berkurangan bagi jarak yang semakin jauh dari pesalah. Perkara ini menunjukkan bahawa kecenderungan pesalah melakukan jenayah berhampiran dengan tempat kediaman mereka lebih tinggi berbanding dengan jarak yang jauh (Dern *et al.* 2005). Walau bagaimanapun, dalam situasi teknologi yang canggih kini, pendapat berkenaan boleh disangkal kerana jenayah dalam media sosial tidak mengira jarak dan tempat sesuatu jenayah dilakukan. Sebagai contohnya, semasa kehilangan kapal terbang MH370, banyak spekulasi dan cerita palsu yang dikeluarkan oleh pengguna media sosial di merata tempat sehingga menimbulkan kecelaruan

maklumat yang dipapar dan dikongsi (Utusan Online, 2014). Penyebaran maklumat seperti ini merupakan perbuatan jenayah yang tidak boleh diukur dengan jarak dan tempat mereka melakukannya kerana sebaran berlaku di alam maya.

Perkembangan teknologi komunikasi dan media membolehkan ilmu pengetahuan dan budaya dikongsi oleh manusia sejagat dan melahirkan kelompok manusia yang hidup serba mudah dan ringkas. Perkara ini jelas berlaku dengan kewujudan penggunaan internet, telefon, televisyen, radio, surat khabar, majalah dan media yang lain (Suriati, Azilah dan Jabil, 2013). Media banyak memberi maklumat dan nilai baik kepada pengguna yang melayarinya, tetapi dalam artikel ini penulis memberi fokus terhadap perkara yang menjadi perhatian dan isu dalam masyarakat hari ini iaitu berkaitan dengan jenayah yang melibatkan penggunaan media sosial yang berlaku dalam kalangan remaja. Perkembangan media dan media sosial telah membentuk semula corak jenayah (Yar, 2012) dan memberi impak dalam perilaku kejadian jenayah masa kini. Perlakuan jenayah terutama dalam kalangan remaja semakin menjadi-jadi dan dengan adanya perkembangan media sosial yang pelbagai pada masa kini menyebabkan golongan remaja mudah terdedah kepada kejadian jenayah (Mohd Dahlal & Ida Shafinaz, 2010). Pembabitan golongan remaja di dalam media sosial tidak boleh dikekang, justeru semua pihak perlu bertanggungjawab dalam memastikan golongan remaja tahu dan faham risiko penggunaan ‘laman sosial seperti Facebook, Twitter, Blog, Instagram dan sebagainya (Utusan Online, 2012).

■2.0 SOROTAN LITERATUR

Media sosial daripada mana-mana laman web atau perisian membolehkan masyarakat berbual, berkongsi pengetahuan, video, gambar, bersosialisasi, menerima maklumat dan menyebarkan maklumat secara interaktif ((Boone, 2011; Wright & Ross, 1997; Jain, Gupta & Anand 2012; Suriati *et al.* 2012)). Dengan kehadiran pelbagai media sosial kini menyebabkan data peribadi remaja sudah tidak menjadi privasi dan semuanya dikongsi secara sukarela dalam media sosial. Mereka aktif untuk berkongsi apa-apa sahaja di *wall* masing-masing, mengemaskini status dan *tweet* setiap keseronokan dalam hidup mereka. Perkongsian ini dapat menarik beratus-ratus pembaca *online* dan juga orang yang tidak dikenali untuk sama-sama memberi komen bagi setiap status yang dipaparkan. Hal ini kerana, media sosial sememangnya menyediakan ruangan untuk pengguna memberi komen, perkongsian/*share*, suka/*like* dan berbual/*chat* (Napoli, 2014; Cheng, Danescu-Niculescu-Mizil & Leskovec, 2014). Keadaan ini menggalakkan berlakunya kes jenayah dalam media sosial antaranya seperti kejadian buli dan fitnah di mana komen yang diberikan dijadikan bahan untuk tujuan tersebut. Oleh itu, kehadiran media sosial kini telah menyebabkan munculnya kesalahan bentuk baru yang berfokuskan komputer dan ianya berlaku apabila jenayah sedia ada ‘berpindah’ ke persekitaran talian (Yar, 2012).

Jenayah media sosial adalah antara penyumbang tertinggi dalam kes-kes jenayah di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, China, Jepun dan Korea. Jenayah media sosial didefinisikan sebagai perbuatan jenayah yang dilakukan melalui komputer yang dilengkapi internet untuk mendapat keuntungan dan merugikan mangsa yang terperangkap. Menurut laporan akhbar Harian Metro 22 September 2011, sumber yang dirujuk daripada CyberSecurity Malaysia menunjukkan bahawa insiden jenayah siber mengalami peningkatan yang berlipat kali ganda iaitu dari tahun 2009 sebanyak 3,566 kes kepada 8,090 kes pada tahun 2010. Statistik yang dikeluarkan daripada Laporan Jenayah Siber Norton 2011 menunjukkan bahawa 14 orang menjadi mangsa jenayah siber bagi setiap saat di seluruh dunia. Perkara ini sangat membimbangkan kerana sesiapa sahaja boleh menjadi mangsa bagi pelbagai jenayah siber. Sebanyak 10,406 kes dilaporkan kepada Pusat Bantuan Cyber999 dari Januari Hingga Ogos 2011, manakala 5.15 juta kes yang dikesan melalui Sistem Amaran Awal Siber (CEWS) yang terdiri daripada kes penipuan, pencerobohan dan sebarang program yang berniat jahat. Menurut laporan yang dikeluarkan oleh CyberSecurity Malaysia, sebanyak 3757 kes jenayah siber yang melibatkan penipuan internet diterima dan ianya semakin meningkat daripada jumlah berkenaan. Disebabkan ancaman terhadap siber yang semakin meruncing, pada tahun 1996 kerajaan Malaysia telah memperkenalkan tiga undang-undang baru yang dikenali sebagai undang-undang siber, iaitu Akta Jenayah Komputer 1997, Akta Tandatangan Digital 1997, dan Akta Teleperubatan 1997. Dengan adanya akta-akta ini mampu untuk membendung aktiviti berkaitan dengan jenayah media terutamanya di Malaysia (Mohd Dahlal & Ida Shafinaz, 2010).

Sejak akhir-akhir ini, perhatian banyak diberikan terhadap kejadian ‘buli siber’. Ianya terjadi apabila remaja menggunakan internet ataupun telefon pintar untuk menghantar atau *post* gambar-gambar individu tertentu dengan niat untuk menyakitkan atau memalukan individu terbabit. Remaja terutamanya pelajar mudah terdedah kepada buli siber kerana kurang pengalaman terhadap penggunaan internet atau kurang pemahaman tentang bahaya penggunaannya (Bridging Refugee Youth & Children Service, 2009). Menurut Grube (2012) kegiatan buli yang dilakukan dalam media sosial lebih senang dilakukan kerana tidak perlu memaparkan nama pembuli, tidak perlu berhadapan secara bersemuka dengan mangsa dan tidak perlu melihat tindak balas fizikal mangsa (Donegan, 2012) mereka hanya bersembunyi disebalik skrin komputer sahaja. Satu tinjauan yang dijalankan oleh The Pew Internet dan American Life Project mendapati 39 peratus daripada pengguna media sosial telah mengalami beberapa bentuk buli siber, berbanding dengan 23 peratus daripada bukan pengguna media sosial (Grube, 2012).

Terdapat pelbagai jenis media sosial yang melengkapkan pengguna dengan keupayaan untuk berkongsi maklumat, antaranya Facebook, WhatsApp, Blog dan YouTube. Kesemua media ini membenarkan individu untuk berinteraksi dengan masyarakat global melalui paparan dan berkongsi menggunakan kandungan video. Melalui media YouTube, sebagai contoh, orang ramai diberi peluang untuk memberi komen dan mengambil bahagian dalam perbincangan dan perbualan melalui video yang dipaparkan (Thelwall, Sud & Vis, 2012). Ramai orang menggunakan medium YouTube dan inovasi ini menjadi penggerak kepada perubahan di seluruh dunia. Hal ini kerana, YouTube mempunyai lebih daripada 78 juta pengguna dan lebih 150,000 video dimuat naik setiap hari (Sawyer, 2011). Tambahan pula, penyertaan pengguna YouTube juga tidak mengira jarak geografi (Thelwall, Sud & Vis, 2012) dan semua orang boleh menyertai perbualan dan memberi komen di bahagian paparan. Komen yang diberikan oleh pembaca bukan semuanya berbentuk positif atau baik, tetapi juga yang memberi komen dalam bentuk menghina, mengutuk, mencaci, dan sebagainya. Perbuatan ini boleh dianggap sebagai buli siber kerana menurut Feinberg & Robey (2010) buli siber adalah terdiri daripada pergaduhan, ugutan, caci, penyamaran dan penyisihan dalam media sosial yang terjadi melalui cara menulis kemaskini status dan memberi respon terhadap status yang telah dikemaskini ke dalam media sosial. Kajian daripada Cheng, Danescu-Niculescu-Mizil & Leskovec (2014) menjelaskan pengguna media sosial lebih suka menilai dan memberi komen yang negatif kepada rakan media sosialnya berbanding dengan komen yang positif.

2.1 Gejala Buli Dalam Kalangan Remaja

Buli bukan fenomena biasa dan ianya merupakan masalah penting antarabangsa. Sebelum 1980an buli dianggap semata-mata sebagai pengalaman zaman kanak-kanak. Pada dekad mutahir ini pandangan ini telah berubah dan kanak-kanak perlu belajar menangani pembuli. Jenayah buli turut didokumentasikan dalam bentuk filem klasik dan moden bukan sahaja di Amerika Syarikat, tetapi juga di England, Ireland, Kanada, Australia, New Zealand, Norway, Sweden, dan Jepun. Banyak penyelidikan awal telah dilakukan oleh Dr. Dan Olweus dari Universiti Bergen, Norway, yang merupakan perintis dan penyumbang kepada kajian buli. Pada tahun 1985, Olweus menganggarkan bahawa 15% daripada pelajar di Sekolah-sekolah Norway yang terlibat dalam gejala buli (Carter & Spencer, 2006). Manakala hampir 30 peratus daripada remaja di Amerika Syarikat (atau lebih 5.7 juta) dianggarkan terlibat sama ada sebagai pembuli, sasaran buli, atau kedua-duanya. Daripada tinjauan yang dilakukan ke atas pelajar gred 6 – 10 di Amerika Syarikat, sebanyak 13 peratus dilaporkan membuli yang lain, 11 peratus menjadi sasaran buli dan 6 peratus membuli orang lain dan diri mereka dibuli (National Youth Violence Prevention Resource Center, 2002). Manakala Feinberg & Robey (2010) pula menjelaskan pada tahun 2006 pemimpin penguatkuasaan undang-undang Negara menganggarkan lebih daripada 13 juta kanak-kanak dan remaja berusia 6 hingga 17 tahun menjadi mangsa buli dalam talian.

Laporan daripada Department for Children, Schools and Families (2009) menjelaskan bahawa buli merupakan tingkah laku yang biasanya dilakukan berulang dari masa ke semasa, dengan sengaja menyakitkan individu lain melalui serangan fizikal atau emosi. Ianya melibatkan ketidakseimbangan kuasa yang dilakukan berulang kali ke atas mangsa. Matlamat buli adalah untuk mendapatkan kuasa dan menguasai individu lain (Hoover & Stenhjem, 2003; Crew, 2005) dan ianya terbahagi kepada dua bahagian iaitu buli secara langsung dan buli secara tidak langsung. Buli secara langsung adalah seperti melakukan serangan secara terbuka kepada mangsa iaitu secara fizikal (memukul, menendang, menolak, mencekik) atau secara lisan (memanggil/menggelar nama, mengugut, mengejek, mengusik dengan berniat jahat). Manakala buli secara tidak langsung pula adalah lebih halus dan sukar dikesan. Ianya melibatkan satu atau lebih tindakan secara hubungan, seperti melakukan pengasingan sosial, pengecualian dengan sengaja, menyebarkan khabar angin, merosakkan reputasi seseorang, membuat wajah atau gerak isyarat lucu di belakang seseorang, memanipulasi persahabatan dan hubungan dengan orang lain (American Institute for Research, 2009).

Buli merupakan salah satu daripada jenayah yang dilakukan dan disebarluaskan menggunakan media sosial. Alat komunikasi elektronik digunakan untuk membuli orang lain dengan cara menghantar mesej teks dan imej dengan tujuan untuk merosakkan reputasi dan hubungan sasaran. Bentuk buli ini sangat sukar untuk dikesan dan dijejaki, malah separuh daripada mereka tidak dapat diketahui pelakunya (American Institute for Research, 2009). Pembuli siber menggunakan teknologi untuk melakukan buli tanpa perlu bersemuka dan ianya dilakukan pada bila-bila masa tidak kira siang atau malam (Department of Education and Skills, 2013). Donegan (2012) menjelaskan bahawa remaja/ kanak-kanak tertentu cuba mencari jalan keluar daripada kekecewaan mereka melalui cara membuli orang lain. Pada masa lalu, perbuatan atau tindakan membuli dilakukan secara bersemuka. Walau bagaimanapun, sejak kebelakangan ini fenomena berkenaan berubah ekoran perkembangan evolusi teknologi, dan menjadikan jenayah buli lebih sukar dan berbahaya. Penggunaan media sosial, telefon bimbit, bilik sembang dan lain-lain bentuk teknologi telah memberi ruang kepada perkembangan jenayah buli.

Pembuli siber mengambil tempat dihadapan dan merupakan agenda penting bagi sekolah dan masyarakat kerana kesannya yang boleh menyebabkan mangsa menderita. Menurut Hoover & Stenhjem (2003), kanak-kanak dan golongan muda lebih banyak menghabiskan sebahagian besar masa mereka di sekolah. Kejadian buli ini terjadi dalam kalangan kanak-kanak lelaki dan perempuan, dua-duanya berisiko untuk terlibat dalam buli, tetapi kebanyakannya kajian menyatakan lelaki lebih berkemungkinan untuk membuli dan menjadi mangsa buli (Crew, 2005). Walaupun ramai pelajar menafikan tentang keseriusan ejekan nama panggilan dan boleh dikatakan tidak berbahaya, namun kajian menunjukkan sebaliknya. Sebanyak, 8% daripada peserta yang dikaji mengakui bahawa kesan buli kepada mereka seperti cuba membunuh diri, mlarikan diri dan tidak mahu pergi ke sekolah. Lebih khusus lagi, kajian yang dijalankan ke atas lebih 3000 pelajar mendapat 38% daripada mangsa buli berdendam, 37% marah dan 24% berasa tidak berdaya (Hinduja & Patchin, 2009). Menurut Omoteso (2010) pelajar yang menjadi mangsa buli biasanya seorang yang pasif, mereka biasanya pendiam, berhati-hati, sensitif dan mudah menangis. Mereka mempunyai keyakinan diri yang rendah dan imej diri yang kurang menarik. Kanak-kanak atau golongan dalam kumpulan ini tidak suka melawan dan mempunyai fizikal yang lemah berbanding rakan sekelas mereka, terutamanya pembuli, dan mereka mempunyai kawan yang sedikit atau tiada kawan. Berdasarkan Indicators of School Crime and Safety: 2004, mendapat bahawa tiada perbezaan yang signifikan dalam peratus lelaki dan perempuan yang dibuli iaitu 8 peratus lelaki berbanding 7 peratus daripada perempuan. Menurut Crew (2005) buli oleh kanak-kanak lelaki lebih menggunakan pencerobohan fizikal, manakala buli oleh kanak-kanak perempuan adalah lebih halus dan dalam bentuk ejekan dan pengecualian sosial. Kanak-kanak perempuan lebih cenderung untuk membuli kanak-kanak perempuan lain dan kanak-kanak lelaki cenderung untuk membuli kedua-dua kanak-kanak lelaki dan kanak-kanak perempuan.

Buli boleh memberi kesan negatif sepanjang hayat kepada mangsa. Ianya menyebabkan berlaku kesukaran kepada golongan muda untuk belajar dan kesan buruk berkenaan akan akan berpanjangan dalam kehidupan mereka. Remaja yang dibuli juga akan menghadapi kesukaran seperti tekanan, kebimbangan, mengasingkan diri dari masyarakat, rendah diri, masalah hubungan sosial, menjadi cemas, tertekan, bersifat agresif, kecederaan fizikal, psikologi, sosial, atau pendidikan dan kesan yang paling teruk sehingga ada yang membunuh diri (Bridging Refugee Youth & Children Service, 2009; Schneider, Smith & O'Donnell, 2013). Menurut Lieberman & Cowan (2011), mangsa pembuli siber adalah hampir dua kali lebih berkemungkinan untuk cuba membunuh diri dan keadaan ini terjadi kepada mangsa yang belum pernah dibuli dalam talian. Sesetang daripada mereka menggunakan bahan terlarang sebagai cara untuk menangani kesan emosi terhadap kegiatan buli (Department for Children, Schools and Families, 2009). American Institute for Research (2009) dan Analitis *et al.* (2009) (2009) berdasarkan kajian tentang kanak-kanak dan buli di negara Eropah telah mencadangkan pihak sekolah perlu memasukkan program-program latihan, kesedaran, pemantauan dan penilaian buli di sekolah. Selain itu, komponen penting di bilik darjah adalah perlu memberi tumpuan kepada pengukuran khas pendidikan seperti kaedah membina kemahiran sosial dan emosi, seperti menyelesaikan masalah sosial dan empati serta campur tangan dengan kumpulan sasaran atau pelaku buli. Selain itu, di sekolah pelajar dan guru perlu mempunyai komunikasi secara terbuka bagi menangani buli. Pelajar perlu berbincang dengan guru jika bermasalah termasuk sekiranya mereka dibuli. Manakala Hellwig (2011) mencadangkan peranan ibu bapa adalah penting dalam mengawal tingkah laku anak-anak, mengambil tahu tentang rakan-rakan anak mereka dan gred pendidikan mereka.

■3.0 METODOLOGI

Pada hari ini sumber penyelidikan menggunakan video semakin banyak digunakan sebagai bahan penyelidikan sosial (Jewitt, 2012). Selaras dengan kenyataan Jewitt berkenaan, kajian ini dilakukan sepenuhnya ke atas media sosial yang memaparkan video daripada sumber media sosial iaitu YouTube. Kaedah persampelan bertujuan dan *convenience* telah digunakan dalam kajian ini, di mana 4 paparan video perlakuan buli yang dilakukan oleh remaja yang masih bersekolah telah dipilih secara *purposive*, dan keempat-empat video ini boleh diakses dengan mudah semasa kajian dilakukan (*convenience sampling*). Persampelan bertujuan dan *convenience* digunakan kerana ianya membolehkan penulis memilih kes paling tepat dan menepati keperluan kajian, dalam masa yang sama paling tersedia semasa tempoh kajian dijalankan (Suriati, Jabil & Azilah, 2011; Farrokhi & Mahmoudi-Hamidabad, 2012). Sebanyak 4 paparan video terpilih daripada YouTube berkaitan dengan gejala buli dianalisis dan dijadikan sebagai sampel kajian untuk mengkaji tindak balas pengguna (penonton) YouTube terhadap kes buli yang dipaparkan. Setiap video yang dipilih sebagai kes kajian diberi nama sebagai Kes 1, Kes 2, Kes 3 dan Kes 4. Dua daripada video yang dipaparkan adalah dari Utara Malaysia iaitu daripada Pulau Pinang dan Perlis, manakala dua lagi video tidak dapat dikenalpasti lokasi sebenar kejadian. Video ini diakses dan mengambil masa selama satu bulan untuk dikaji. Maklumat yang diperolehi dikategorikan dan dianalisis menggunakan kaedah interpretasi. Kaedah ini memberatkan usaha untuk mencari dan memberikan keterangan serta pemerhatian bukan numerical. Kaedah ini digunakan untuk memberikan keterangan tentang sifat dan keadaan manusia dengan menggunakan pandangan orang ramai tentang apa-apa saja tindakan sosial (Azizah, 2010). Menurut Hine (2011) menggunakan internet untuk data kualitatif merupakan penerokaan jawapan kepada fenomena budaya yang turut dikongsi pendekatannya, ianya luar jangka dan berkaitan dengan interaksi sehari-hari. Pemilihan video adalah dengan mengambil kes terbaru yang berlaku sekitar tahun 2013 dan 2014. Video ditonton bagi melihat fenomena budaya buli yang berlaku dan transkripsi ke atas video berkenaan turut dilakukan. Setiap video diberikan keterangan berkaitan kejadian buli yang berlaku. Respon penonton dipetik dan dianalisis bagi melihat maklum balas terhadap setiap buli kejadian tersebut. Setiap respon yang diberikan oleh penonton video ditulis seperti yang dipaparkan di laman YouTube. Bagi menjaga kerahsiaan individu, etika penyelidikan yang diamalkan ialah merahsiakan maklumat individu yang melakukan jenayah buli dan individu yang memberi komen dalam setiap video berkenaan dengan tidak memaparkan nama dan gambar mereka.

■4.0 DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini akan menganalisis 4 video buli yang telah dipilih untuk tujuan kajian, Jadual 1 menunjukkan keterangan bagi setiap video yang terpilih.

Jadual 1 Sinopsis kes buli terpilih

Kes	Keterangan Kes
1	Mangsa adalah seorang remaja berusia 11 tahun dan telah dibuli oleh senior-senior dalam sebuah asrama anak yatim. Menurut laporan akhbar Sinar Harian, pihak polis mengesahkan video klip aksi buli membabitkan tujuh pelajar dan seorang mangsa yang menjadi viral di laman sosial baru-baru ini, berlaku di sebuah asrama anak yatim Kangar, Perlis. Video ini melibatkan tujuh orang pelajar iaitu tiga pelajar tingkatan satu, dua pelajar tingkatan dua, dan dua pelajar tingkatan tiga yang bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan di Arau, Perlis (Sinar Harian, 6 November 2014). Dalam video berkenaan memaparkan sekumpulan tujuh orang remaja bertindak membuli seorang pelajar. Kumpulan remaja terbabit bertindak memukul, manarik dan memijak kaki, badan dan paha mangsa, menyepak, terajang dan cuba memukul mangsa dengan menggunakan kerusi. Ada antara mereka yang menyedari rakaman diambil tersenyum dan menayangkan muka kepada kamera dengan rasa bangsa dan tidak bersalah. Manakala dua orang remaja pembuli berkenaan menari dan melompat-lompat gembira sambil mendengar lagu. Mereka seolah-olah gembira dapat melakukan perkara sedemikian terhadap mangsa. Pembuli-pembuli berkenaan berterusan memukul mangsa tanpa rasa belas kasihan. Mangsa tidak dapat melawan kerana faktor fizikalnya lebih kecil dan usia pembuli yang kelihatan lebih dewasa berbanding dengan mangsa. Di samping itu, mangsa hanya seorang diri berbanding pembuli yang nyata lebih ramai iaitu seramai tujuh orang. Pembuli secara beramai-ramai menyerang mangsa sehingga menyebabkan mangsa menjerit tetapi ianya tidak diendahkan oleh kumpulan pembuli terbabit. Sebelum rakaman video tamat, kumpulan pembuli menyuruh mangsa menunjukkan isyarat peace dengan menggunakan tangan. Mangsa terpaksa menunjukkan isyarat peace sambil menangis dan disambut oleh sorakan daripada kumpulan pembuli terbabit. Mangsa juga menunjukkan isyarat kedua belah pahanya sakit dan dua orang pembuli dengan sengaja memijak paha mangsa dan menyebabkan mangsa menjerit kesakitan.
2	Dalam Kes 2 ni, video buli menjadi viral di laman-laman media sosial. Kejadian itu direkodkan dalam sebuah klip video berdurasi 4 minit 37 saat yang dimuat naik di laman sosial yang memaparkan aksi sekumpulan remaja lelaki bertindak membela sekumpulan remaja di dalam sebuah bilik dipercayai asrama sebuah sekolah. Mereka dipukul dengan teruk dan kejama oleh kumpulan pembuli dan kumpulan berkenaan seolah-olah melepaskan geram terhadap pelajar-pelajar yang dibuli. Pembuli dalam video berkenaan diketuai oleh seorang pelajar dan kumpulan tersebut digelar sebagai geng singlet hitam. Perkara ini disebabkan oleh seorang pembuli terbabit yang memakai singlet bewarna hitam dan pembuli berkenaan yang paling aktif membuli dan memukul pelajar-pelajar lain. Mereka memukul dan menyerang mangsa-mangsa secara keterlaluan sehingga ada pelajar yang terbatuk-batuk dan mengerang kesakitan. Mangsa-mangsa buli berkenaan hanya membiarkan sahaja diri mereka di pukul oleh kumpulan terbabit dan langsung tidak melawan.
3	Bagi Kes 3 pula, kejadian ini berlaku dalam sebuah bilik darjah dan berkemungkinan ketika waktu balik dari sekolah. Mangsa yang dibuli memakai beg sekolah dan ada antara pembuli turut menggendong beg sekolah masing-masing, mereka juga lengkap memakai pakaian seragam sekolah. Dalam kejadian ini, seramai tiga orang pembuli memukul seorang pelajar yang dipercayai sebagai ketua kelas mereka. Ketika pelajar terbabit dipukul ada terdapat pelajar yang meminta pembuli berhenti daripada memukul mangsa. Walau bagaimanapun, ianya tidak diendahkan oleh kumpulan pembuli berkenaan. Berkemungkinan pelajar berkenaan merupakan kawan kepada pelajar yang dibuli. Namun pelajar terbabit tidak dapat melakukan apa-apa terhadap kumpulan pembuli kerana walaupun hanya tiga orang yang memukul mangsa, tetapi jumlah yang menyokong kegiatan tersebut lebih ramai. Ramai dalam kalangan rakan-rakan yang memerhati menyokong kegiatan buli ini. Mereka dengan sengaja pergi ke arah video yang sedang dirakam dan membuat pelbagai aksi serta gelagat yang ditunjukkan sebelum pembuli berkenaan memukul mangsa. Dalam bilik berkenaan, terdapat juga yang hanya menjadi pemerhati, dan kerana ketakutan dan tidak mampu untuk menolong mangsa yang dibuli. Di akhir sebelum video tamat, terdapat pelajar yang cuba meleraikan tindakan ganas pembuli berkenaan.
4	Bagi kes buli ke-4 pula, ianya melibatkan pembuli dalam kalangan pelajar perempuan. Sekumpulan pembuli yang terdiri daripada 3 hingga 4 orang pelajar perempuan membuli seorang pelajar junior mereka. Bermacam-macam tindakan buli yang dilakukan terhadap mangsa. Tindakan tersebut

	bukan secara fizikal tetapi lebih kepada perbuatan untuk mengaibkan mangsa. Perbuatan yang dilakukan pembuli-pembuli berkenaan sangat biadap dan menjatuhkan maruah mangsa sebagai seorang perempuan. Pembuli telah memegang kedua kaki dan tangan mangsa serta cuba memasukkan kain ke dalam mulut mangsa. Mereka mencarut perkataan ‘bodoh, kerana mangsa cuba untuk meronta dan tidak mahu membuka mulut. Salah seorang pembuli menyumbat kain ke dalam mulut mangsa dan kemudian cuba menarik baju mangsa ke atas. Perbuatan tersebut disokong oleh kumpulan pembuli terbabit dan mereka beramai-ramai memegang kaki dan tangan mangsa dan cuba membuka bajunya. Baju mangsa terangkat sehingga menampakkan coli dan mereka cuba melondegkannya sehingga menampakkan payudara mangsa. Mangsa kemudian menarik kembali bajunya dan mendakap kedua belah lutut ke dada supaya bajunya tidak ditarik lagi. Pembuli memaksa mangsa untuk menunjukkan coli yang dipakai kepada mereka dan sekali lagi menarik mangsa sehingga menampakkan coli mangsa. Mereka semua bersorak dan salah seorang daripada mereka bergurau dengan menyatakan warna coli mereka sama. Selepas itu, pembuli memaksa mangsa untuk mencium tapak kaki dengan meletakkan kaki ke muka mangsa. Pembuli yang lain pula meletakkan kasut yang dipakai ke muka mangsa. Tidak puas dengan tindakan tersebut, mereka juga memasukkan stokin ke dalam mulut mangsa. Mangsa menjerit apabila stokin dimasukkan ke dalam mulutnya, dan mulut mangsa ditutup dengan tangan pembuli. Lagi biadap apabila pembuli bertindak menyapu muka mangsa dengan menggunakan kain buruk. Bagi menambahkan lagi kesengsaraan mangsa, pembuli bertindak menyapu semua tapak kasut mereka dengan kain buruk dan kemudian mengelap muka mangsa. Pembuli juga menggunakan stokin mangsa dan mengelap mukanya. Rambut mangsa turut digunting oleh kumpulan pembuli tersebut sambil mulutnya disumbat dengan stokin. Pembuli juga menyuruh mangsa mengenakan tudung apabila berada di rumah dan menggugut mangsa supaya jangan melaporkan perkara berkenaan. Pembuli menunjukkan gunting ke dalam mulut mangsa jika mangsa melaporkannya. Kumpulan pembuli terbabit menyatakan video berkenaan akan dikongsikan ke dalam YouTube dengan tujuan untuk memalukan mangsa. Seorang pembuli meminta kepada kawannya yang merekod video berkenaan supaya bluetooth kepada kawan-kawan pembuli yang lain. Mangsa pula, hanya berdiam diri dan tidak bertindak di atas setiap perilaku pembuli terhadapnya.
--	---

Berdasarkan Jadual 1, sinopsis setiap kes buli adalah melibatkan remaja yang masih bersekolah dan kegiatan buli ini dilakukan di kawasan sekolah dan di asrama pelajar. Perkara ini disokong oleh kenyataan Hoover & Stenhammar (2003), yang menyatakan kanak-kanak dan golongan remaja menghabiskan sebahagian besar masa mereka di sekolah. Oleh itu kanak-kanak dan golongan remaja lebih terdedah kepada risiko buli ketika mereka berada di sekolah dan di asrama. Kenyataan ini dikukuhkan lagi dengan pendapat Carter & Spencer (2006) yang menganggarkan 15 peratus pelajar sekolah di Norway terlibat dengan gajala buli dan National Youth Violence Prevention Resource Center (2002) menyatakan lebih 5.7 remaja di Amerika Syarikat terlibat sebagai mangsa buli dan pembuli. Perkara ini menunjukkan buli di sekolah bukan lagi kes yang boleh dipandang rendah kerana jika tiada apa-apa tindakan boleh menyebabkan lebih ramai pelajar membuli dan menjadi mangsa buli.

Dapatkan kajian juga mendapati bahawa kedua-dua gender berisiko untuk menghadapi kemungkinan untuk membuli dan dibuli. Kes 1, Kes 2 dan Kes 3 menunjukkan buli berlaku dalam kalangan pelajar lelaki manakala Kes 4 adalah buli yang dilakukan oleh pelajar perempuan. Kenyataan ini menyokong pendapat daripada Crew (2005) iaitu kejadian buli melibatkan kanak-kanak lelaki dan perempuan, tetapi kanak-kanak lelaki lebih berkemungkinan untuk membuli dan menjadi mangsa buli. Menurut Crew lagi, tiada perbezaan antara pembuli lelaki dan wanita iaitu 8 peratus bagi lelaki dan 7 peratus bagi perempuan. Perbezaannya dari segi cara buli dilakukan, buli dalam kalangan pelajar lelaki melibatkan kekerasan fizikal seperti yang dinyatakan dalam Kes 1, Kes 2 dan Kes 3. Contoh kekerasan fizikal dalam Kes yang dikaji, iaitu Kes 2 melibatkan sekumpulan pelajar lelaki menyerang sekumpulan mangsa dan menggunakan kekerasan seperti menyepak, membela-sah, menendang dan menumbuk muka serta badan badan mangsa. Begitu juga dengan Kes 1 dan Kes 3, mangsa-mangsa dibuli secara langsung dengan melakukan serangan fizikal dan boleh membawa kecederaan. Perkara ini disokong oleh kenyataan daripada American Institute for Research (2009) yang menjelaskan serangan secara terbuka boleh mencederakan mangsa iaitu melibatkan fizikal seperti memukul, menendang, menolak dan mencekik.

Manakala buli dalam kalangan pelajar perempuan adalah seperti Kes 4, mangsa dibuli secara serangan emosi dengan tujuan untuk memalukan dan mengaibkan mangsa. Dapatkan ini disokong dengan kenyataan Crew (2005) yang menyatakan buli dalam kalangan kanak-kanak perempuan adalah lebih halus iaitu dalam bentuk ejekan dan pengecualian sosial. seperti dalam Kes 4, mangsa dicaci, diperlakukan dengan tidak senonoh seperti bajunya ditarik sehingga menampakkan coli dan payudaranya, rambutnya digunting, mulut disumbat dengan stokin dan mukanya disapu dengan kain buruk. Mangsa dimalukan dan dipaksa melakukan perbuatan yang boleh menyebabkan mangsa trauma dan katakutan. Perlakuan buli seperti kes 4 ini boleh menyebabkan mangsa menjadi trauma dan perkara tersebut akan sering menghantui mangsa dalam jangka masa yang panjang. Kajian ini disokong oleh Schneider, Smith & O'Donnell (2013) yang menjelaskan buli boleh mendatangkan mudarat dan kesusahan kepada remaja termasuk dari segi psikologi, sosial atau memberi kesan terhadap pendidikan remaja.

Selain itu, dapatkan kajian juga mendapati bahawa pembuli dalam video dikaji hanya membuli pelajar yang lebih muda dan lemah daripada mereka. Sebagai contohnya mangsa yang dibuli dalam Kes 1 dan 4 adalah lebih muda dan merupakan junior kepada pembuli. Dalam Kes 1, mangsa yang dibuli adalah murid tahun 5 manakala kumpulan pembuli terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah menengah. Kumpulan pembuli ternyata pengecut kerana hanya membuli pelajar yang jauh lebih muda dan lemah daripada mereka. Kenyataan ini menyokong kajian yang dilakukan Omoteso (2010) yang menyatakan mangsa buli adalah mereka yang pasif, pendiam, tidak suka melawan dan mempunyai fizikal yang lemah berbanding pembuli.

4.1 Respon Penonton YouTube

Bahagian ini menganalisis dua bahagian respon penonton YouTube iaitu bahagian pertama berkaitan dengan paparan maklumat video terpilih dan bahagian kedua menganalisis kategori komen penonton video buli.

4.1.1 Paparan Maklumat Video Terpilih

Setiap paparan video dalam YouTube mengandungi tajuk video buli terpilih, tarikh video berkenaan disiarkan, tempoh masa paparan video disiarkan, pandangan (*view*), komen (*comments*), suka (*like*) dan tidak suka (*unlike*).

Jadual 2 Maklumat video terpilih

Kes Buli	Tajuk Video	Tarikh Disiarkan	Tempoh Paparan video	Jumlah Pandangan (View)	Jumlah Komen (Comments)	Jumlah Suka (Like)	Jumlah Tidak suka (Unlike)
Kes 1	GEMPAR!! Lagi Kes Buli Di Asrama (TERBARU)	6 Nov 2014	6 minit 52 saat	15,956	37	28	51
Kes 2	Pelajar Asrama dipukul seperti patung	3 Nov 2014	4 minit 37 saat	16,488	72	26	105
Kes 3	Rakaman pelajar belasah ketua kelas (SMK Tun Hussien Onn)	9 April 2013	1 minit 30 saat	33,273	52	19	63
Kes 4	Lagi kes buli di skolah..harap ada pihak menuntut bela	29 April 2013	11 minit 8 saat	4,210	2	5	6

Berdasarkan Jadual 2, Kes pertama yang dipilih oleh penulis bertajuk “GEMPAR!! Lagi Kes Buli Di Asrama (TERBARU)”. Video ini berdurasi selama 6 minit 52 saat dan telah disiarkan ke dalam YouTube pada 6 November 2014. Dalam tempoh sebulan video berkenaan disiarkan, sebanyak 15,956 kali telah dilihat oleh pengguna YouTube, 37 penonton memberi komen, 28 penonton memberi isyarat suka dan 51 penonton memberi isyarat tidak suka kepada video berkenaan. Manakala kes buli kedua yang dipilih bertajuk “Lagi Pelajar Asrama dipukul seperti patung”. Video ini berdurasi selama 4 minit 37 saat dan mula disiarkan pada 3 November 2014 iaitu lewat tiga hari berbanding kes buli yang pertama. Sebanyak 16,488 pengguna internet telah melihat paparan YouTube ini dalam tempoh sebulan. Jumlah pengguna yang memberi komen adalah sebanyak 72 orang, sebanyak 26 penonton memberi isyarat suka dan sebanyak 105 penonton memberi isyarat tidak suka video berkenaan. Bagi Kes 3 pula, video yang dipilih bertajuk “Rakaman pelajar belasah ketua kelas (SMK Tun Hussien Onn)”. Video ini disiarkan pada 9 April 2013 iaitu selama 1 minit 30 saat. Video ini telah ditonton sebanyak 33,273 kali, 52 penonton memberi komen, 19 penonton memberi isyarat suka dan 63 penonton memberi isyarat tidak suka dengan video berkenaan. Video terakhir yang digunakan dalam kajian ini bertajuk “Lagi kes buli di skolah..harap ada pihak menuntut bela” yang mula dimuat naik pada 29 April 2013. Video ini berdurasi selama 11 minit 8 saat dan sebanyak 4,210 pengguna yang melihat paparan berkenaan. Seramai 2 orang yang memberi komen, 5 penonton memberi isyarat suka dan 6 penonton memberi isyarat tidak suka dengan video berkenaan.

View setiap video menunjukkan jumlah pengguna yang telah menonton video berkenaan. Berdasarkan keempat-empat video yang dikaji, Kes 3 paling banyak ditonton iaitu sebanyak 33,273 dalam tempoh kurang 2 tahun. Tempoh paparan yang agak lama telah menggalakkan lebih ramai penonton YouTube menonton video berkenaan. Walau bagaimanapun, Kes 2 dilihat sebagai kes yang sangat popular dan paling banyak ditonton iaitu sebanyak 16,488 hanya dalam masa sebulan sahaja. Perkara ini kerana cara buli yang dilakukan kepada sekumpulan pelajar agak kasar, ganas dan mendatangkan kecederaan kepada pelajar yang dibuli. Jumlah komen pula merujuk kepada jumlah penonton yang memberi maklum balas berkaitan dengan setiap kejadian buli yang ditonton. Dalam video yang dikaji, Kes 2 paling banyak menerima komen daripada penonton iaitu sebanyak 72. Hal ini kerana, di samping YouTube kes buli ini menjadi viral di media sosial yang lain seperti Facebook, Blog, WhatsApp dan dalam media cetak serta media elektronik. Ianya menjadikan kes buli ini sangat popular dan cepat disebarluaskan ke rangkaian media sosial yang lain. Manakala tanda suka di YouTube pula tidak menggambarkan bahawa pengguna YouTube menyukai perilaku berkenaan. Pengguna YouTube memberi tanda suka hanya kerana menyukai video yang dipaparkan dan bukan kepada kegiatan buli. Berdasarkan video yang dikaji, jumlah tanda suka yang paling banyak diberikan kepada Kes 1 iaitu sebanyak 28. Manakala jumlah tidak suka pula boleh merujuk kepada pengguna internet yang tidak menyukai tentang paparan berkenaan atau mereka sememangnya tidak menyukai tentang perilaku jenayah buli yang dipaparkan. Dapatkan kajian menunjukkan, jumlah tidak suka yang paling banyak adalah bagi Kes 2 iaitu sebanyak 105.

Dapatkan kajian menunjukkan bahawa, penyebaran video buli boleh menjadi faktor penggalak kepada penyebaran video-video buli yang lain. Sebagai contohnya, Kes 1 disebarluaskan 3 hari selepas Kes 2 menjadi viral di media sosial. Manakala Kes 3 disebarluaskan 20 hari selepas kes 4 dimuat naik ke dalam YouTube. Hal ini menunjukkan bahawa, penyebaran video ini menjadi faktor penggalak kepada mereka yang lain untuk turut sama berkongsi video yang mereka ada. Mereka yang memuat naik video berkenaan terdiri daripada mangsa yang dibuli, pembuli atau saksi yang berada di tempat kejadian. Pada awalnya rakaman yang diambil adalah untuk tontonan sendiri atau kawan-kawan pembuli yang lain, tetapi akhirnya tersebar dan menjadi viral di laman-laman media sosial. Mereka berterusan memuat naik video buli adalah kerana, media sosial seperti YouTube sukar untuk mengesan individu yang melakukannya. Tambahan pula, bagi memuat naik setiap video ke dalam YouTube, butiran diri tidak diperlukan, jadi perkara ini memudahkan mereka untuk menyebarkan video tanpa mendedahkan identiti diri. Dapatkan ini menyokong pendapat yang dinyatakan oleh American Institute for Research (2009) tentang bentuk buli baru dalam talian sukar dikesan dan hampir separuh pelakunya tidak dapat diketahui. Penyebaran video buli dalam media sosial menyebabkan jenayah buli semakin popular dan mula mendapat perhatian daripada masyarakat. Dalam masa yang sama, sebaran maklumat berkaitan jenayah buli telah memberi telah info kepada masyarakat tentang situasi sebenar kejadian buli pada hari ini dan mula membuka mata banyak pihak. Di samping itu, penyebaran video buli ini telah membawa banyak kesan negatif kepada mangsa buli. Perkongsian video ini menyebabkan mangsa tertekan kerana bukan sahaja dibuli malah kisah mereka dibuli menjadi tatapan umum. Jenayah yang disebarluaskan dalam media sosial menjadi satu tranding baru dalam masyarakat dan langkah segera perlu diambil bagi membendung penyebaran nilai negatif dalam media sosial khususnya dalam kes buli.

4.1.2 Kategori Komen Dalam Video Terpilih

Kajian ini telah menemukan pelbagai komen yang diluahkan secara bertulis oleh pengguna YouTube berkaitan dengan jenayah buli. Penulis mengkategorikan komen berkenaan kepada empat bahagian iaitu 1) Komen tidak suka (marah) dengan kegiatan buli 2) Komen nasihat/mendoakan 3) Komen cadangan dan 4) Komen menyokong kegiatan buli.

Jadual 3 Kategori komen dalam video

Komen	Tidak suka (marah)	Nasihat / mendoakan	Cadangan	Menyokong kegiatan buli	Jumlah
Kes 1	34	1	1	1	37
Kes 2	67	0	2	3	72
Kes 3	39	4	1	0	44*
Kes 4	2	0	0	0	2
Jumlah	139	5	4	4	

*Bagi Kes 3, jumlah komen yang berjaya dikategorikan adalah sebanyak 44, iaitu berbeza sebanyak 8 komen daripada jumlah komen sebenar iaitu 52 seperti dalam Jadual 2. Hal ini kerana, terdapat pengguna yang hanya klik 'komen' tanpa memberi apa-apa komen, oleh itu maklumat berkenaan tidak boleh dikategorikan dalam jadual

Jadual 3 menunjukkan jumlah komen bagi setiap kategori. Daripada jumlah komen yang ditunjukkan, tidak ramai penonton YouTube yang memberi komen di bahagian paparan walaupun beribu-ribu penonton yang menonton video berkenaan. Hal ini menunjukkan bahawa individu sekarang sudah mula bersikap individualistik seperti mana kata pepatah 'tidak suka menjaga tepi kain orang'. Sikap keprihatinan dan ambil tahu dalam kalangan masyarakat sudah semakin berkurangan, di mana mereka adalah sekadar ingin tahu tentang kejadian yang berlaku sahaja. Jadual 3 menunjukkan kebanyakan pengguna YouTube tidak suka (marah) dengan tindakan remaja yang membuli pelajar lain. Dalam keempat-empat kes berkenaan sebanyak 139 penonton video buli orang yang menonton video buli menyatakan perasaan tidak suka dan marah dengan tindakan berkenaan. Walaupun hanya 139 orang memberi komen berbanding beribu-ribu yang menonton, namun ini menunjukkan bahawa masih ada sebahagian kecil anggota masyarakat prihatin terhadap isu ini. Hal ini kerana perbuatan buli bukan sahaja satu jenayah tetapi ia juga melanggar nilai-nilai kemanusiaan dan hak orang lain. Pengguna YouTube mengelam tindakan remaja ini melalui pelbagai komen yang diberikan ke atas kejadian buli yang ditonton. Terdapat segelintir daripada mereka memberi komen berbaur kecaman, ugutan dan mencarut. Sebagai contoh komen yang diberikan dalam Kes 1 adalah seperti berikut:

Komen 1: Anjing kmu !! Sial !! Apaa brg pukul budak. Meh sini pukul ak .. Remuk mukaa kmu thu ak kerjaan kn budakk masii ingusan mau tunjuk samseng lancau !! Mak bapak salah didik mangg mcm thu sial lhaa !!

Komen 2: Astaghfirullahhalazim. Memasing nak tunjuk hero. Teruknya perangai budak zaman sekarang ni. Rasa nak lempang je sorang2 dalam video ni. Geramnyaaaa.. kesian lah adik tu. Lindungi dia Ya Allah.

Penonton juga menunjukkan nilai murni dengan mendoakan agar pembuli terbabit berubah dan berkelakuan lebih baik. Hal ini menunjukkan melalui ruangan komen dalam media sosial penonton masih berpeluang untuk memberi nasihat. Penonton juga menunjukkan nilai murni dengan mendoakan agar pembuli terbabit berubah dan berkelakuan lebih baik. Contohnya dalam Kes 3, dua komen berunsur nasihat dan doa telah diberikan oleh dua orang penonton kejadian buli terbabit, sebagaimana berikut:

Komen 1: Moga Hidayah Allah diberi untuk anak2 ini...

Komen 2: 14 feb 2014..ntah btoi ka x, ktanya bdak yg pukul ketua kelas tu bru ja meningal dunia pgi tadi..tlbat dlm kmalangan langar lari..apa pn ksalahannya..sedekahkn al-fatihah bt si arwah Lan Todak..

Bagi menangani jenayah buli, 4 orang pengguna telah memberi cadangan dalam ruangan komen di YouTube. Berdasarkan komen mereka, pengguna yang memberi komen berbentuk cadangan ini merupakan bekas pelajar yang pernah tinggal di asrama dan mengetahui tentang situasi buli di asrama. Antara yang dicadangkan oleh mereka ialah warden tinggal bersama-sama pelajar di asrama; dan ibu bapa lebih mengambil peranan seperti melaporkan kejadian buli kepada pihak berkuasa. Kenyataan ini turut disokong dengan kajian Hellwig (2011) yang menekankan peranan ibu bapa dalam mengawal tingkah laku anak-anak dan mengambil tahu tentang perihal rakan-rakan anak mereka. Ibu bapa perlu mengawasi anak-anak supaya tidak terjebak sebagai pembuli dan menjadi mangsa buli ketika di sekolah. Contoh komen berbentuk cadangan dalam Kes 2 adalah seperti berikut:

Komen 1: bnda ni selalu berlaku kat asrama .. aku baru pindah dri Asrama STAD sbb bnda ni la .. budak2 sume tak berani bgtau kat cikgu .. padahal setiap malam ada je yg kna pukul .. patut sekolah letak satu waden tido kat asrama .

Komen 2: Kalau la pecah buah pinggang anak orang baru dia gelak kot....mak bapak yang anak dia dalam video ni gi la report. Takkak tengok je anak kena belasah. Paling tak pun report polis. Yang tengok video ni post banyak2 post kat FB atau laman sosial

lain sampai ada mak bapak yang lihat anak mereka kena buli tahu keadaan anak mereka. Maklum la masih ramai mak bapak yang pakai nokia 3210. Tak tahu perkembangan semasa dan tak tengok Youtube. Nak buat report polis senang ada bukti.

Di samping itu, terdapat juga komen yang menyokong kegiatan buli yang melibatkan 4 orang penonton YouTube berkenaan. Berdasarkan keterangan yang diberikan dalam komen mereka, mereka merupakan pelajar yang pernah tinggal di asrama sekolah. Contoh komen yang menyokong gejala buli dalam Kes 2 adalah seperti berikut:

Komen 1: Zaman aku asrama 2003-2006 dulu, lagi teruk batch aku kena. Kasut boot tentera melekat dkt kepala. Benda biasa je semua ni kalau duduk asrama. Lain kali jgn rekod k adik2. teruskan usaha mnjadi senior yg power. Hahaha.

Komen 2: Aku suke sangat plaja cmtu. . Hebat3. .gud job. .

Seorang pengguna yang memberi komen yang berbentuk menyokong kegiatan buli menyatakan, semasa di asrama dahulu mereka lebih teruk dibuli. Pemberi komen juga menyatakan perkara berkenaan adalah perkara biasa jika tinggal di asrama dan oleh sebab itu pemberi komen menyokong perlaku buli berkenaan. Perkara ini menunjukkan pemberi komen seolah-olah menerima perkara tersebut sebagai fenomena biasa dan mempunyai perasaan dendam kerana ingin junior seterusnya juga perlu melalui fasa yang sama jika tinggal di asrama. Kajian Hinduja & Patchin (2009) menjelaskan 38% daripada 3000 pelajar yang dikaji berdendam dengan tindakan buli yang dilakukan kepada mereka. Bagi melepaskan perasaan dendam tersebut mereka akan membuli pelajar lain atau dalam masa yang sama menyokong perkara ini. Kenyataan ini turut disokong oleh Donegan (2012) yang menyatakan remaja cuba untuk mencari jalan keluar daripada kekecewaan mereka dengan cara membuli orang lain. Selain itu, tinggal di asrama menyebabkan sesuatu perbuatan dan gaya hidup termasuk gaya hidup yang tidak sesuai seperti buli disebarluaskan sesama rakan-rakan (Suriati et al, 2012).

■5.0 KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kajian ini menyimpulkan bahawa YouTube berperanan penting terhadap penyebaran maklumat melalui video, termasuk video bersifat negatif seperti buli. Kajian penulis tentang perkongsian video buli di Youtube yang dilakukan oleh remaja di Malaysia telah memberi maklumat tentang reaksi masyarakat tempatan terhadap gejala ini. Kajian ini menunjukkan sebahagian besar penonton video buli di Youtube masih mempunyai nilai positif dengan melihat buli sebagai perbuatan negatif yang mesti dihindarkan. Walaupun majoriti masyarakat tempatan tidak menyokong perbuatan buli, namun perkongsian video buli boleh mendorong sebahagian remaja untuk melakukan perkara yang sama. Hal ini kerana sebaran budaya melalui media sosial boleh memberi impak melalui perkongsian aktiviti di laman sosial, termasuk perkongsian aktiviti negatif. Remaja boleh terdedah kepada kecelaruan persepsi kerana ketidaksedian mereka untuk menilai sesuatu perbuatan yang bersifat negatif, sehingga boleh mendorong mereka melakukan yang sama kepada rakan mereka. Kajian ini boleh digunakan oleh pihak kerajaan dan bukan kerajaan untuk menilai semula dan mengadakan dasar serta langkah yang sesuai bagi mengekang penyebaran video bersifat negatif menerusi laman sosial.

Kajian ini turut mencadangkan usul perlunya sekolah memasukkan program latihan kesedaran, pemantauan dan penilaian tentang kejadian buli seperti yang diutarakan oleh American Institute for Research (2009) dan Analitis et al. (2009) adalah sesuai untuk digunakan di Malaysia bagi membendung gejala buli dalam kalangan remaja sekolah. Dicadangkan program yang berbentuk membina kemahiran sosial dan emosi di kalangan pelajar sekolah diadakan bagi membina insan yang menghormati hak-hak orang lain. Program seperti ini dijangka membantu membendung perbuatan buli. Selain daripada itu, dicadangkan badan yang bertanggungjawab secara langsung terhadap komunikasi multimedia seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia boleh menghadkan dan menapis bahan yang disebarluaskan melalui media sosial bagi memastikan bahan yang tersebar tidak membawa impak negatif seperti gejala buli.

Penghargaan

Penulis mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Universiti Sains Malaysia yang telah membiayai kajian ini melalui geran penyelidikan RU TOP-DOWN (1001/CSL/870022) bertajuk "Crime and Public Safety" di bawah sub-tajuk "Youth, Media and Crime".

Rujukan

- Analitis, F., Velderman, M.K., Ravens-Sieberer, U., Detmar, S., Erhart, M., Herman, A., Berra, S., Alonso, J., Rajmil, L., & the European Kidscreen Group. (2009). Being bullied: Associated factors in children and adolescents 8 to 18 years old in 11 European countries. *Pediatrics*, 123(2), 569-577.
- American Institute for Research. (2009). *Social and Emotional Learning and Bullying Prevention*. http://static.squarespace.com/static/513f79f9e4b05ce7b70e9673/t/5367958e_e4b0dbc136_4dbb7b/13_99297422536/3_SEL_and_Bullying_Prevention_2009.pdf Diakses pada 6 Januari 2015.
- Azizah Hamzah. (2010). Kaedah Kualitatif dalam Penyelidikan Budaya. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 6(1), 1-10. [http://portalfsss.um.edu.my/portal/uploadFolder/pdf/KAEDAH%20KUALITATIF%20DALAM%20PENYELIDIKAN%20SOSIO%20BUDAYA%20\(Azizah\).pdf](http://portalfsss.um.edu.my/portal/uploadFolder/pdf/KAEDAH%20KUALITATIF%20DALAM%20PENYELIDIKAN%20SOSIO%20BUDAYA%20(Azizah).pdf). Diakses pada 8 Disember 2014.
- Boone, J. (2011). *Criminal Use of Social Media*. National White Collar Crime www.iacpsocialmedia.org/Portals/1/documents/NW3CArticle.pdf Diakses pada 15 Disember 2014.
- Bridging Refugee Youth & Children Service. (2009). *Refugee Children in U.S Schools: A Toolkit for Teacher and School Personnel*. Washington, DC: United States Conference of Catholic Bishops.
- Carter, B.B., & Spencer, V.G. (2006). The Fear Factor: Bullying and Students with Disabilities. *Journal of Special Education*, 21(1), 11-23.
- Cheng, J., Danescu-Niculescu-Mizil, C., & Leskovec, J. (2014). How community feedback shapes user behavior. *arXiv Preprint*. Retrieved from <http://arxiv.org/abs/1405.1429>.
- Crew, R. F. (2005). *Literature Review on Bullying*. Florida: Miami-Dade County Public Schools. <http://drs.dadeschools.net/Reports/Bullying.pdf>. Diakses pada 9 Disember 2014.
- Department for Children, Schools and Families. (2009). *Safe from Bullying in Youth Activities*. Nottingham: DCSF Publications.

- Donegan, R. (2012). Bullying and Cyberbullying: History, Statistics, Law, Prevention and Analysis. *Journal of Undergraduate Research in Communications*, 3(1), 33–42.
- Dern, H., Frond, R., Straub, U., Vick, J., & Witt, R. (2005). Geographical behaviour of stranger offenders in violent sexual crimes. *A Project Devoted To Optimising Assessments Of Geographical Criminal Behaviour Within The Context Of Offender Profiling In Operational Case Analysis*. http://www.bka.de/nn_227948/SharedDocs/Downloads/EN/Publications/Other/geographicalBehaviourOfStrangerOffendersinViolentSexualCrimes,templateId=r_aw.property=publicationFile.pdf/geographicalBehaviourOfStrangerOffendersinViolentSexualCrimes.pdf Diakses pada 5 Januari 2010.
- Department of Education and skills. (2013). Anti-Bullying Procedures for Primary and Post-Primary Schools. <http://www.education.ie/en/Publications/Policy-Reports/Anti-Bullying-Procedures-for-Primary-and-Post-Primary-Schools.pdf> Diakses pada 5 January 2015.
- Farrokhi, F., & Mahmoudi-Hamidabad, A. (2012). Rethinking Convenience Sampling: Defining Quality Criteria. *Theory and Practice in Language Studies*, 2(4), 784–792. <http://doi.org/10.4304/tpls.2.4.784-792>
- Feinberg, T., & Robey, N. (2010). *Cyberbullying: Intervention and Prevention Strategies*. Bethesda: National Association of School Psychologists. <http://www.nasponline.org/resources/bullying/Cyberbullying.pdf> Diakses pada 20 Disember 2014.
- Grube, B. (2012). Social Media's Influence on Youth. *YDI Research Brief Number 17*. [YDI .tamu.edu/wp-content/uploads/2012/09/YDI-RB-17-Social-Medias-Influence-on-Youth.pdf](http://ydi.tamu.edu/wp-content/uploads/2012/09/YDI-RB-17-Social-Medias-Influence-on-Youth.pdf) 7 Disember 2014
- Harian Metro. (22 September 2011). *14 Mangsa Jenayah Siber Setiap Saat* <http://www2.hmetro.com.my/articles/14mangsajenayahsibersetiapsaat/> Article/- Diakses pada 3 Disember 2014.
- Hellwig, E. (2011). *10 Ways To Help Reduce Bullying In Schools. Training And Consulting In Behavior Management & Dementia Care*. <http://www.crisisprevention.com/Resources/Article-Library/Nonviolent-Crisis-Intervention-Training-Articles/10-Ways-to-Help-Reduce-Bullying-in-Schools> Diakses pada 20 Januari 2015.
- Hinduja, S., & Patchin, J.W. (2009). *Cyberbullying Research Summary: Emotional And Psychological Consequences*. Cyberbullying Research Center. http://www.cyberbullying.us/cyberbullying_emotional_consequences.pdf Diakses pada 17 Disember 2014.
- Hine, C. (2011). *Internet Research and Unobtrusive Methods*. United Kingdom: Department of Sociology, University of Surrey.
- Hoover, J., & Stenhammar, P. (2003). Bullying and Teasing of Youth with Disabilities: Creating Positive School Environments for Effective Inclusion. *Issue Brief: Examining Current Challenges in Secondary Education and Transition*, 2(3). http://www.ncset.org/publications/issue/ncsetissuebrief_2.3.pdf Diakses pada 9 Disember 2014.
- Jewitt, C. (2012). *An Introduction to Using Video for Research*. National Centre for Research Methods Working Paper. Institute of Education, London. http://eprints.ncrm.ac.uk/2259/4/NCRM_workingpaper_0312.pdf Diakses pada 14 Disember 2014.
- Lieberman, R., & Cowan, K.C. (2011). Bullying and Youth Suicide: Breaking the Connection. *Principal Leadership Article*: October 2011. http://www.nasponline.org/resources/principals/Bullying_Suicide_Oct2011.pdf Diakses pada 9 Disember 2014.
- Jain, M. R., Gupta, P., & Anand, N. (2012). Impact of Social Networking Sites in the Changing Mindset of Youth on Social Issues – A Study of Delhi-NCR Youth. *Journal of Arts, Science & Commerce*, III(2(2), 36–43.
- Mohd Dahlan A. Malek & Ida Shafinaz Mohamed Kamil. (2010). *Jenayah dan Masalah Sosial di Kalangan Remaja: Cabaran dan Realiti Dunia Siber*. <http://eprints.ums.edu.my/117/> Diakses pada 30 Disember 2014.
- National Youth Violence Prevention Resource Center. (2002). *Facts for Teens: Bullying*. www.unified-solutions.org/pubs/what_is_bullying.pdf Diakses pada 2 Januari 2015.
- Omoteso, B. A. (2010). Bullying: Behaviour, Its Associated Factors and Psychological Effects Among Secondary Student in Negeria. *The Journal of International Social Research*, 3(10), 498–509.
- Report of the Task Force on the Prevention of Workplace Bullying. (2001). *Dignity at Work – The Challenge of Workplace Bullying*. Dublin: Published by the Stationery Office. <http://www.djei.ie/publications/employment/2005/bullyingtaskforce.pdf> Diakses pada 9 Disember 2014.
- Schneider, S.K., Smith, E., & O'Donnell, L. (2013). *Social Media and Cyberbullying: Implementation of School-Based Prevention Efforts and Implications for Social Media Approaches*. http://www.promoteprevent.org/sites/www.promoteprevent.org/files/resources/Social_Media_and_Cyberbullying_FinalReport-EDC_0.pdf Diakses pada 9 Disember 2014.
- Sawyer, R. (2011). *The Impact of New Social Media on Intercultural Adaption*. Senior Honors Projects: Honors Program at the University of Rhode Island. <http://digitalcommons.uri.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=1230&context=srhonorsprog> Diakses pada 3 Januari 2015.
- Suriati Ghazali, Azilah Mohamad Nor dan Jabil Mapjabil. (2013). Satu Analisis Mengenai Peranan Media dalam Penyebaran Gaya Hidup Transeksual di Malaysia. Dalam buku Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan. *Jurnal Perspektif*, 5(1), 66–82.
- Suriati Ghazali, Jabil Mapjabil dan Azilah Mohamad Nor. (2011). Infrastruktur Komuniti dan Hubungannya dengan Golongan Transeksual di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysua. *Jurnal Kemanusiaan*, 18, 77–95.
- Suriati Ghazali, Jabil Mapjabil, Azilah Mohamad Nor, Narimah Samat, Jas Laile Suzana Jaafar. (2012). Dufusi Ruangan Budaya Transeksualisme dan Imaginasi Geografi Pelajar Lelaki Berpenampilan Silang di Universiti Tempatan Malaysia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 7(1), 252–266.
- Sinar Harian. (6 November 2014). *Video Buli Berlaku di Asrama Anak Yatim di Perlis*. <http://www.sinarharian.com.my/semasa/video-buli-berlaku-di-asrama-anak-yatim-di-perlis-1.331080>. Diakses pada 11 Disember 2014.
- Utusan Online. (18 Julai 2012). *Dedah Bahaya Media Sosial kepada Pelajar*. [http://www.utusan.com.my/utusan/Jenayah/20120718/je_06/Dedah-bahaya-media-sosial-kepadapelajar](http://www.utusan.com.my/utusan/Jenayah/20120718/je_06/Dedah-bahaya-media-sosial-kepada-pelajar). Diakses pada 14 Januari 2015.
- Utusan Online. (18 Mac 2014). *Spekulasi, Teori dan Fitnah di Media Sosial*. http://www.utusan.com.my/utusan/Rencana/20140318/re_07/Speculasi,-teori-dan-fitnah-di-media-sosial. Diakses pada 16 Mac 2014.
- Vasan, A. (2010). Films and TV: Viewing patterns and influence on behaviours of college students. *Health and Population Innovation Fellowship Programme Working Paper*, 13. New Delhi: Population Council.
- Wright, J. W., & Ross, S. D. (1997). Trial by media?: Media reliance, knowledge of crime and perception of criminal defendants. *Communication Law and Policy*, 2(4), 397–416.
- Yar, M. (2012). E-Crime 2.0: the criminological landscape of new social media. *Information & Communications Technology Law*, 21(3), 207–219.
- YouTube. (2014). *GEMPARI!! Lagi Kes Buli Di Asrama* (TERBARU). https://www.youtube.com/results?search_query=GEMPARI%21+Lagi+Kes+Buli+Di+Asrama+%28TERBARU%29 Diakses pada 8 Disember 2014.
- YouTube. (2014). *Pelajar Asrama Dipukul Seperti Patung* https://www.youtube.com/results?search_query=Pelajar+Asrama+dipukul+seperti+patung Diakses pada 8 Disember 2014.
- YouTube. (2014). *Rakaman Pelajar Belasah Ketua Kelas (SMK Tun Hussien Onn)*. https://www.youtube.com/results?search_query=Rakaman+pelajar+belasah+ketua+kelas+%28SMK+Tun+Hussien+Onn Diakses pada 9 Disember 2014.
- YouTube. (2014). *Lagi Kes Buli Di Skolah..Harap Ada Pihak Menuntut Bela*. https://www.youtube.com/results?search_query=Lagi+kes+buli+di+skolah..harap+ada+pihak+menuntut+bela Diakses pada 10 Disember 2012.